

144 ponteng kena cekup

Operasi khas Jom Ke Sekolah kesan pelajar lepak di kafe siber

B.H M/S 14 31.10.07

Oleh Hardi Effendi/Yacob

KUALA LUMPUR: Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan menahan 144 pelajar sekolah, kebanyakannya dari sekitar Pudu dan Keramat dalam satu operasi khas memerangi masalah ponteng, pagi semalam.

Penolong Penyelia Disiplin (Unit Hal Ehwal Pelajar) jabatan itu, Azlizam Samad, berkata operasi itu yang dinamakan 'Jom Ke Sekolah' dirancang sejak tiga bulan lalu berikutan masalah ponteng sekolah yang semakin berleluasa di bandar raya ini.

"Di Pudu, 22 pelajar yang lengkap berpakaian sekolah ditahan seawal jam 10 pagi tadi (semalam) manakala 120 pelajar lain ditahan di Keramat. Ketika ditahan, kebanyakan pelajar terbabit sedang melepak di kafe siber dan pusat beli-belah.

"Operasi yang dijalankan hari ini (semalam) berjaya mencapai matlamatnya dalam membantu usaha Kementerian Pelajar memerangi masalah ponteng sekolah. Justeru, ia akan diperluaskan ke kawasan lain yang dikenal pasti menjadi tempat pelajar ponteng sekolah melepak," katanya.

Difahamkan, semua pelajar yang ditahan kemudian dibawa ke pusat operasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Cheras untuk tindakan sulsulan, termasuk sesi kaunseling dalam usaha memulihkan masalah disiplin mereka.

Malah, pelajar terbabit turut diarahkan menjalani ujian air kencing bagi memastikan mereka tidak terbabit dalam penyalahgunaan dadah.

"Ibu bapa pelajar turut diminta da-



LANGGAR DISIPLIN: Seorang guru dan pengawas mengenal pasti pelajar sekolah mereka yang ditahan kerana ponteng dalam operasi dilakukan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, semalam.

tang ke pusat operasi untuk diberikan penjelasan mengenai masalah anak-anak mereka. Kita turut meminta ibu bapa supaya sentiasa memantau pergerakan anak masing-masing bagi mengelakkan mereka terjebak dengan kegiatan negatif," katanya.

Azlizam berkata, tinjauan di kalangan pelajar terbabit mendapati kebanyakannya terjebak dalam masalah ponteng sekolah disebabkan pengaruh rakan sebaya mereka, selain memberikan alasan bosan berada dalam kelas.

FAKTA NOMBOR

Kes pelajar ponteng ditahan

22

Di Pudu

120

Di Keramat

"Kebanyakan pelajar terbabit tidak terkejut ketika ditahan, kecuali selepas dimaklumkan ibu bapa masing-masing sudah dihubungi dan dimaklumkan mengenai penahanan mereka.

"Ada yang meminta supaya penahanan mereka tidak diberitahu kepada ibu bapa kerana bimbang dimarahi. Ini tidak sepatutnya berlaku sebab kerajaan sudah menyediakan kemudahan pendidikan terbaik yang perlu dimanfaatkan oleh mereka," katanya.